

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[SETIU]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan jumlah kanak-kanak Autisme yang telah direkodkan di  
negeri Terengganu serta jenis bantuan yang disediakan bagi kanak-  
kanak tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kanak-kanak Autisme didaftarkan sebagai orang kurang upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Hingga bulan September 2014, di negeri Terengganu, seramai 123 kanak-kanak autisme telah berdaftar dengan JKJ melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi keluarga yang mempunyai anak OKU termasuk autisme, JKJ telah menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Untuk makluman, PDK merupakan salah satu program pemulihan dan intervensi awal yang melibatkan pembabitan secara aktif ibu bapa / penjaga ahli keluarga golongan OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat. Pada tahun 2014 sebanyak RM94.1

juta telah diperuntukkan kepada 508 buah PDK di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 45 buah PDK adalah di negeri Terengganu.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH** : **5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN** : **44**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- a) berapakah Kerajaan membelanjakan wang untuk projek inovasi; dan
- b) apakah contoh hasil inovasi yang dijual ke negara luar.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua**

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MOSTI ada menyediakan dana yang dikenali sebagai InnoFund, bertujuan untuk pembangunan atau penambahbaikan produk baru atau sedia ada, proses atau perkhidmatan dengan unsur-unsur inovasi. InnoFund boleh dikategorikan kepada Enterprise InnoFund (EIF) dan Community InnoFund (CIF) dan kelayakan untuk memohon adalah terbuka kepada individu, syarikat milikan tunggal, syarikat mikro dan syarikat kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyertaan juga